

## **UCAPAN**

**YBHG. DATO' YANG DIPERTUA  
MAJLIS PERBANDARAN SEBERANG PERAI**

**SEMPENA  
PERTANDINGAN KARAOKE  
MAJLIS PERASMIAН SEBERANG PERAI FIESTA 2016**

**14 SEPTEMBER 2016, TAPAK EKSPO SЕBERANG JAYA**

---

Yang Berhormat Dr. Afif bin Bahardin, Pengerusi Jawatankuasa MMK Pertanian dan Industri Asas Tani, Pembangunan Desa dan Kesihatan merangkup ADUN Sebarang Jaya

Yang Dihormati Ahli Majlis- Ahli Majlis MPSP

Yang Berusaha Tuan Sr Haji Rozali bin Haji Mohamud  
Tuan Setiausaha Perbandaran MPSP

Para Juri dan Peserta

Rakan-rakan media

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

---

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh & salam sejahtera,

Terlebih dahulu saya mengucapkan ribuan terima kasih dan “Selamat Datang ke Seberang Perai Fiesta 2016.” Hari ini merupakan hari pertama Seberang Perai Fiesta 2016 dan sambutan fiesta ini akan berlangsung sehingga 18 September 2016 iaitu Ahad ini. Untuk makluman semua, Seberang Perai Fiesta 2016 adalah gabungan 3 pesta iaitu Agro Fest, Food Mega Festival dan Tanjung Art Fest 2.0.

Pada hari pertama ini, MPSP menganjurkan Pertandingan Karaoke yang telah bermula seawal jam 9:00 pagi tadi. Dengan yuran penyertaan RM 20 sahaja, para peserta boleh menyertainya dan terhad kepada 100 penyertaan. Sebanyak 100 penyertaan telah diterima. Selain dari peserta dari Pulau Pinang, terdapat juga peserta yang datang dari Negeri Kedah, Negeri Perak dan juga Negeri Sembilan. Terima kasih atas penyertaan dan sokongan tuan / puan dalam pertandingan ini.

Acara saringan bermula pada jam 10.00 pagi tadi dan seramai 10 peserta terbaik telah dipilih untuk bertanding dalam pertandingan akhir yang kita saksikan sebentar tadi. Peserta dinilai berdasarkan mutu suara, tempo lagu, persembahan dan sebutan. Hadiah-hadiah yang ditawarkan adalah :

- Johan : RM 2000.00,
- Naib Johan : RM 1500.00 ,
- Tempat Ketiga : RM 1000.00 dan
- 7 saguhati dengan RM 200.00 seorang.

Walaupun kita masih belum ketahui siapa pemenangnya, saya ingin mengucapkan tahniah terlebih dahulu kepada para pemenang tersebut.

Selain daripada pertandingan karaoke, pelbagai pertandingan lain yang diadakan di Seberang Perai Fiesta 2016 seperti Pertandingan Ikan Hiasan Guppy, Pertandingan Gubahan Sireh Hantaran, Pertandingan Gubahan Bunga Segar, Pertandingan Kambing Pejantan Unggul, Pertandingan Ayam Serama, Pertandingan Kerabu buah-buahan tempatan, Cat Fest 2016, Pertandingan Memancing, Pertandingan Masakan Gulai Nangka. Selain pertandingan, tuan-tuan dan puan-puan juga boleh membuat lawatan ke gerai-gerai untuk Food Mega Festival dan

juga Tanjung Art Fest 2.0.

Akhir sekali, saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada YB Dr. Afif bin Bahardin kerana kesudian memberi ruang kepada MPSP untuk terlibat sama dalam pengajuran Seberang Perai Fiesta dan tidak lupa juga kepada para panel juri kita yang telah berada bersama-sama kita untuk permarkahan peserta sejak pagi tadi.

Sekian, Terima kasih.